

PERATURAN DEWAN

PERHATIAN KEPADA GRADUAN

1. Graduan diminta mendaftarkan diri di Kaunter Pendaftaran pada pukul 8.00 pagi.
2. Graduan diminta berkumpul mengikut program Diploma.
3. Mana-mana graduan yang lewat tidak dibenarkan menyertai perarakan.
4. Sila pastikan graduan berjalan seiring dengan jarak 1 hasta kiri/kanan, hadapan/belakang dalam keadaan tenang semasa Perarakan Masuk Graduan.
5. Graduan tidak dibenarkan membawa sebarang beg ke dalam dewan.
6. Pastikan telefon bimbit di dalam *Silent Mode* (Mod Senyap) untuk mengelakkan gangguan bunyi sewaktu istiadat berlangsung.
7. Graduan perlu sentiasa peka dengan arahan semasa oleh petugas.
8. Graduan dilarang meninggalkan dewan semasa istiadat konvokesyen sedang berjalan.
9. Penggunaan kamera peribadi dan kamera telefon sewaktu istiadat berlangsung adalah dilarang.

PERHATIAN KEPADA IBU BAPA GRADUAN

1. Ibu bapa graduan hendaklah berpakaian sopan.
2. Ibu bapa graduan perlu menunjukkan Pass Masuk kepada petugas di pintu masuk dewan dan mengambil tempat duduk yang telah ditetapkan.
3. Pastikan telefon bimbit di dalam *Silent Mode* (Mod Senyap) untuk mengelakkan gangguan bunyi sewaktu istiadat berlangsung.
4. Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dilarang masuk ke dewan.
5. Penggunaan kamera peribadi dan kamera telefon sewaktu istiadat berlangsung adalah dilarang.